

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI

TEMPAT: RTM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 09 FEB 1997

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Walillahilhamd

Tuan-tuan dan Puan-puan, Muslimin dan Muslimat sekalian,

1. Pada Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini, kita umat Islam akan berkumpul di masjid-masjid dan tempat-tempat lain untuk bersembahyang raya dan bertakbir. Kita akan laungkan kebesaran Allah dengan mengulangi berkali-kali bahawa "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar", disusuli dengan "Kepada Allah juga segala pujian".
2. Inilah pengakuan kita kerana inilah asas kepercayaan kita, bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala yang kita sembah ialah Yang Maha Besar. Dan segala puji-pujian adalah untuk-Nya.
3. Sesungguhnya segala-gala yang kita nikmati adalah kurniaan-Nya. Walaupun kadang-kadang ditimpakan keatas kita malapetaka seperti kehilangan nyawa dan hartabenda disebabkan banjir, kemalangan di jalanraya dan lain-lain kecelakaan yang berlaku sepanjang masa, namun peristiwa-peristiwa ini tetap mempunyai hikmatnya. Ia adalah amaran dan pengajaran bagi kita. Tidak akan berlaku malapetaka ini jika kita tidak sendiri mencarinya. Kitalah yang memilih untuk berdiri rumah di tebing dan di dalam sungai, sedangkan kita tahu tempat itu merbahaya jika berlaku banjir. Kitalah yang memandu di jalanraya secara gopoh, tidak bertimbangrasa dan tidak tertib. Justeru itu, setelah diberi amaran kadang-kadang berkali-kali, haruslah kita mengambil tindakan mengelak, tidak tinggal di tebing sungai, tidak memandu tanpa tatasusila jalan raya dan tidak sengaja mendedahkan diri kepada bahaya lain. Jika kita tidak endah kepada amaran-amaran ini maka lambat-laun malapetaka akan menimpa kita lagi.
4. Dan janganlah kita mudah berkata ini sudah ditakdirkan. Jika kita menjaga keselamatan diri kita dan dengan itu kita terselamat, itu juga takdir. Kadang-kadang kita seolah-olah suka menyalahkan Tuhan sedangkan yang salah adalah kita. Ingatlah segala yang baik itu

datang daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, yang buruk adalah daripada kita sendiri. Nasib buruk yang kita alami adalah kerana kesalahan kita.

5. Sebenarnya di negara ini segala kurniaan Tuhan adalah baik-baik belaka. Malaysia adalah negara yang tanahnya subur, dengan hujan yang menghidupkan seluruh negara, air dan makanan yang tidak pernah tidak cukup, iklim yang sederhana dan tidak diserang oleh ribut taufan dan gempa bumi yang dahsyat. Terpulanglah kepada kita untuk mencapai hidup yang bahagia dengan segala kurniaan Tuhan ini. Sebenarnya beban kita di negara tercinta ini amatlah ringan. Kita dapat hidup selesa dengan sedikit usaha sahaja. Dan jika kita rajin dan berdisiplin sedikit, kita dapat menjadi kaya dan bahagia.

6. Sepatutnya kita di Malaysia tidak terlalu mudah mengeluh. Sudah tentu kita tidak harus sengaja mengadakan masalah. Rakyat Malaysia jauh lebih bebas bersuara, bergerak dan menjalankan urusan peribadi daripada rakyat kebanyakan negara lain. Kita selamat kerana dilindungi oleh pasukan keselamatan. Tidak ada peristiwa anggota keselamatan memukul dan menyepak orang atau menggari kaki-tangan orang yang dituduh dengan rantai seperti yang berlaku di negara-negara tertentu. Tidak ada anggota keselamatan yang menembak orang secara buta-tuli kerana melepaskan geram. Hanya dalam menjalankan tugas, mereka tegas dan mungkin terkasar sedikit.

7. Tetapi apakah kerana ini kita harus memburukkan orang yang menjaga keselamatan kita ini? Apakah harus kita memburukkan imej negara dengan bekerjasama dengan orang asing untuk menghina negara sendiri? Sebenarnya tidak akan berlaku sesuatu kepada kita jika kita tidak ingkar dan menolak nasihat. Janganlah mudah terpedaya oleh orang asing yang tidak sedikit pun berniat baik atau menolong membangunkan negara kita.

8. Hari ini kebanyakan negara Islam menghadapi masalah. Pemerintahan mereka lemah, ekonomi mereka merosot, politik mereka kucar-kacir dan kerap juga rusuhan berlaku dengan orang Islam menyerang dan membunuh orang Islam lain kononnya kerana memperjuangkan Islam. Ada yang membunuh orang Islam secara terancang sempena bulan Ramadan. Dan semasa melakukan keganasan ini mereka melaungkan nama Allah, seolah-olah perbuatan mereka disuruh oleh Allah.

9. Apakah benar mereka ini melakukan keganasan kerana Allah, kerana mempertahankan agama Islam? Agama tidak boleh dipisahkan daripada politik orang Islam. Tetapi apakah huru-hara sebahagian daripada politik Islam yang dimaksudkan? Tidakkah usaha ke arah persaudaraan dan keamanan antara orang Islam lebih tepat dengan politik Islam yang patut dikaitkan dengan agama?

10. Orang Islam disuruh dengan tegas dan jelas, berkali-kali supaya bersaudara dengan orang Islam lain, bahkan berbaik-baik dengan orang yang bukan Islam jika mereka tidak bermusuhan dengan orang Islam, jika mereka ingin berdamai dengan orang Islam. Yang tidak disukai oleh agama Islam, yang kedatangan agama Islam berjaya menghapuskan, ialah permusuhan secara berkekalan antara kelompok-kelompok atau kabilah-kabilah yang terlalu taksuf dengan kumpulan mereka atau pemimpin mereka. Kelompok-kelompok inilah yang dikatakan kumpulan assabiah, kerana terlalu taksuf dengan puak mereka sehingga mereka tidak boleh berbaik-baik, turun-temurun walaupun sebab mereka bermusuhan sudah tiada siapa di antara mereka yang tahu atau ingat lagi. Hanya yang mereka tahu ialah mereka adalah daripada kumpulan yang bermusuhan. Dengan itu perhubungan antara mereka tidak boleh dipulihkan selama-lamanya. Kedatangan Islam berjaya menghapuskan kesetiaan yang keterlaluan di kalangan kumpulan-kumpulan ini buat beberapa abad. Tetapi ia telah muncul semula dalam dunia Islam.

11. Demikian di zaman ini. Sebabnya ada permusuhan dan pemberontakan dan huru-hara di negara-negara Islam sekarang ialah kerana kedegilan kumpulan-kumpulan assabiah ini sehingga penyelesaian dan keamanan tidak dapat dicapai sama sekali. Kumpulan-kumpulan ini bukan didorong oleh kesetiaan kepada agama tetapi hanyalah untuk merebut kuasa untuk diri sendiri. Oleh kerana taksuf dengan kumpulan sendiri, banyak negara Islam yang tidak dapat mendirikan pemerintahan yang berwibawa.

12. Inilah yang menyebabkan negara Islam berada dalam keadaan kucar-kacir, lemah dan terhina. Inilah yang menyebabkan agama Islam dipermainkan oleh orang lain. Dan semua ini bukan kerana kehendak Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ia bukan telah ditakdir. Ia adalah kerana ramai orang Islam yang tamak tidak mahu menurut ajaran Islam yang sebenar. Mereka sengaja menyalahafsir dan menyalahgunakan ajaran Islam. Dan mereka begitu taksuf dengan kumpulan sendiri sehingga tidak mahu menerima kebenaran, terutama pegangan kepada persaudaraan yang dituntut oleh agama Islam. Apa juga tafsiran yang dibuat oleh pemimpin mereka, mereka terima tanpa soal walaupun jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Yang diutamakan ialah siapa yang mentafsir dan bukan isi kandungan tafsiran berkenaan. Dengan itu permusuhan berlaku di antara mereka dengan orang Islam lain.

13. Jelaslah malapetaka yang menimpa orang Islam didatangkan oleh mereka sendiri dan bukan kerana sudah ditakdirkan. Sebenarnya mereka boleh menyelamatkan diri mereka tetapi mereka sendiri yang memilih jalan yang tidak selamat, jalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Saya ulangi, benarlah segala yang baik itu datang daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Yang buruk itu datang daripada kita sendiri.

14. Mungkinkah pada Hari Raya Aidilfitri ini, apabila kita bertakbir kita dapat renungkan sedikit akan perbuatan kita yang menyebabkan kita menjadi lemah, berpecah-belah dan dikuasai serta ditindas oleh musuh-musuh kita. Hari Raya dan takbir kita akan lebih bermakna jika ianya menimbulkan keinsafan dalam hati kita.

15. Di Malaysia kita bukan sahaja ada orang Islam tetapi juga orang yang bukan beragama Islam. Secara kebetulan tahun ini Tahun Baru Cina jatuh pada hari kita masih berpuasa. Sudah menjadi suatu kebiasaan bagi kita mengunjungi rakan dan kawan semasa perayaan masing-masing. Kunjungan kita bukanlah mempunyai apa-apa maksud keagamaan. Ia hanyalah untuk mewujudkan keadaan perhubungan sosial yang baik yang menolong membawa keamanan dan kesejahteraan kepada negara kita. Dengan keamanan ini juga kita hidup bahagia dan dapat mengamalkan ajaran dan ibadat agama kita dalam keadaan tidak terganggu. Sebaliknya kita tahu di negara-negara di mana usaha menjalinkan hubungan yang baik tidak ada, permusuhan sering berlaku, walaupun penduduknya seagama. Dengan itu pengamalan ibadat dan cara hidup beragama terganggu. Justeru itu, amatlah penting kita melakukan apa yang telah mendatangkan banyak kebaikan kepada kita. Saya harap orang Islam di Malaysia tidak berhenti membuat kunjungan keatas rakan-rakan daripada kaum Cina semasa Tahun Baru Cina, bukan untuk makan-minum di siang hari semasa kita berpuasa, tetapi semata-mata untuk menyumbang kepada iklim yang baik untuk negara kita.

16. Kebaikan perhubungan antara kaum-kaum yang menganuti agama-agama yang berlainan di Malaysia adalah hasil kesederhanaan semua rakyat Malaysia. Kerana kesederhanaan ini negara kita bukan sahaja aman tetapi juga makmur. Janganlah kita fikir keadaan ini akan kekal dengan sendirinya tanpa dipelihara oleh kita. Percayalah, jika kita lupa dan kita ikut nafsu, negara kita juga akan dilanda huru-hara seperti yang kita lihat di negara membangun yang lain.

17. Keamanan dan kemakmuran hasil kesederhanaan ini berlaku semasa negara diperintah oleh sebuah Kerajaan yang rakan dominannya ialah orang Islam. Ini jelas menunjukkan bahawa orang Islam mampu mentadbir sebuah negara demokratik dan moden secara adil dan berkesan. Anggapan bahawa pemerintahan oleh orang Islam, lebih-lebih lagi dalam sebuah negara berbilang kaum, tidak mungkin adil dan berjaya jelas tidak benar. Jika orang Islam benar-benar ingin memajukan negara mereka, mengembalikan zaman kegemilangan mereka, agama Islam tidak menjadi penghalang. Sebenarnya jika ajaran Islam ditafsir tanpa kepentingan politik tertentu dan tafsiran ini dijadikan panduan, tidak ada sebab kenapa negara Islam tidak boleh aman dan maju dan mampu menyaingi negara-negara maju lain dalam apa juga bidang, termasuk sains dan teknologi dan keupayaan pertahanan seperti yang

dikehendaki oleh agama Islam.

18. Kita boleh berbangga kerana Malaysia, dibawah pemerintahan yang majoritinya Islam, aman dan maju jaya. Rakyat Malaysia lebih mewah daripada rakyat kebanyakan negara membangun yang lain. Dan kita mungkin akan mencapai kemajuan yang lebih lagi sehinggalah kita dapat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

19. etapi kita telah jelaskan bahawa negara maju yang kita maksudkan bukanlah seperti negara-negara maju yang ada sekarang, yang walaupun maju tetapi sudah kehilangan moral dan etika hidup. Negara maju kita tidak perlu kepada pendapatan per kapita yang sama dengan negara maju lain. Negara maju yang kita idamkan ialah negara yang berkebolehan yang sama dalam semua bidang yang penting, dengan pendapatan yang memberi kehidupan yang selesa kepada semua rakyat, yang tidak dibeban dengan kemiskinan, dan lebih penting lagi ialah dengan moral dan etika serta pegangan kepada agama yang tinggi.

20. Malangnya sementara daripada segi kebolehan dan ekonomi kita menunjukkan prestasi yang baik, daripada segi moral dan etika, sudah ada tanda-tanda yang tidak sihat yang boleh meruntuhkan masyarakat kita.

21. Dalam masyarakat Malaysia sekarang terdapat banyak keburukan sosial, seperti jenayah juvana, lepak, bohsia, membuang anak, mendera anak kadang-kadang sampai mati, pelacuran, penyalahgunaan dadah, rasuah dan berbagai-bagai jenis penipuan, perceraian dan ibu tunggal, lari daripada rumah, tidak menghadiri sekolah dan penyakit-penyakit sosial lain. Walaupun dahulu juga ada masalah-masalah ini tetapi ianya tidaklah begitu ketara. Jika peningkatan bilangan kes-kes ini adalah sama dengan peningkatan bilangan penduduk, kita boleh juga terima. Tetapi yang jelas ialah masalah-masalah ini meningkat jauh lebih tinggi daripada peningkatan bilangan penduduk.

22. Yang lebih menyedih dan memalukan orang Islam ialah gejala-gejala buruk ini terdapat lebih banyak di kalangan orang Islam daripada orang bukan Islam. Angka-angka kajian yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa majoriti daripada mereka yang terlibat dengan masalah sosial terdiri daripada orang Melayu yang semuanya beragama Islam.

23. Mungkin kita akan menyalahkan kemewahan yang terdapat sekarang. Tetapi yang mewah bukan orang Melayu sahaja. Kaum-kaum lain juga mewah, bahkan lebih mewah sekarang dari dahulu dan lebih ramai daripada mereka yang mewah berbanding dengan bilangan Melayu yang mewah. Lagipun kajian mendapati bahawa gejala-gejala buruk ini melibatkan semua lapisan orang Melayu daripada golongan berpendapatan rendah sehinggalah daripada keluarga jutawan.

24. Mungkin juga kita salahkan peluang yang lebih banyak sekarang untuk melakukan perbuatan yang tidak baik. Dadah lebih mudah didapati, pertemuan lelaki-wanita lebih mudah diadakan, tempat-tempat hiburan seperti kelab malam lebih banyak, penghijrahan ke bandar lebih ramai dan sebab-sebab lain lagi. Tetapi semua ini tidak dapat menjawab soal kenapa lebih ramai orang Melayu dan Islam yang terlibat dalam gejala-gejala buruk daripada orang bukan Melayu. Semua kaum di Malaysia terdedah kepada gejala yang sama.

25. Kita mungkin malu hendak mengakui ada sesuatu kelemahan pada diri kita yang menyebabkan kita lebih mudah terjebak dengan kegiatan-kegiatan yang tidak baik ini. Tetapi sama ada kita akui atau tidak umum mengetahui bahawa kita yang beragama Islam lebih banyak terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang bukan sahaja buruk dalam pandangan umum tetapi amat bertentangan dengan ajaran Islam.

26. Dipandang sekaligus masyarakat Islam sekarang lebih kuat memegang kepada ajaran Islam. Tetapi, jika masalah yang terdapat dalam masyarakat Islam diambilkira nampaknya kita lebih utamakan rupabentuk Islam daripada amalan ajaran yang sebenar. Kita tentu tahu bahawa rupa dalam Islam tidak sepenting pegangan kepada suruhan dan larangan yang menjadi sebahagian daripada ajaran Islam. Jika kita pegang betul-betul kepada ajaran Islam sudah tentu ketahanan kita terhadap hasutan syaitan akan lebih kuat dan berkesan. Tetapi oleh kerana pegangan kita terhad kepada rupabentuk dan tidak mendalam maka kita mudah ditewaskan oleh nafsu kita apabila berhadapan dengan godaan syaitan.

27. Bahawa orang bukan Islam di Malaysia lebih berjaya mempertahankan diri daripada hasutan nafsu bermakna mereka mempunyai sesuatu yang baik yang patut kita tiru. Tetapi sementara kita mudah meniru yang buruk dari Barat, umpamanya mengamal budaya 'punk', kita tidak pula mudah meniru dedikasi kepada pelajaran dan kerja yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia yang bukan Islam. Apakah salah dan bertentangan dengan agama kita jika kita meniru yang baik yang dilakukan oleh orang bukan Islam, sedangkan kita begitu mudah meniru yang buruk sebagai sebahagian cara hidup mereka.

28. Pada Hari Raya Aidilfitri kita patut bergembira kerana kita telah menang dalam melawan nafsu. Kita boleh berseronok. Tetapi di masa yang sama kita perlu insaf dan sedar tentang gejala buruk yang sedang menyerang masyarakat Islam di negara kita bahkan di seluruh dunia. Dengan keinsafan dan kesedaran ini mungkin kita dapat berusaha untuk menolong membanteras gejala-gejala buruk dan membina masyarakat Islam yang mulia.

29. Kerajaan mempunyai peranan untuk melawan masalah-masalah sosial ini. Ia memang tanggungjawab Kerajaan.

Tetapi orang ramai, guru, media dan ibu bapa perlu membantu Kerajaan. Janganlah sesiapa mempertahankan amalan-amalan yang buruk kerana apa-apa sebab. Jika kita bertanggungjawab maka kita hendaklah akui bahawa ada sesuatu kepada kita yang menyebabkan kita lebih mudah ditewaskan oleh tekanan kehidupan di zaman ini. Apa diannya kelemahan ini yang boleh kita kenalpasti? Insya-Allah selepas itu kita mungkin boleh mengatasinya.

30. Saya berharap kita sama-sama renung perkara ini. Dalam kegembiraan kerana Hari Raya dan kejayaan-kejayaan kita, kita tidak harus lupa akan tanggungjawab kita semua melawan keruntuhan akhlak dalam masyarakat kita.

31. Pada hari yang mulia ini eloklah kita umat Islam di Malaysia lupakan apa juga perselisihan faham antara kita dan kita bermaaf-maafan dan bersalam-salaman. Cabaran yang menghadapi kita jauh lebih besar. Cabaran yang kita hadapi ialah membela maruah agama kita.

32. Sempena Hari Raya Aidilfitri ini, saya, isteri dan keluarga memohon maaf zahir dan batin kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Islam, di dalam dan di luar negeri.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Walillahilhamd.